

# Wanita mengaku sembunyikan kelahiran janin didenda RM4,000

**KUCHING:** Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman denda RM4,000 atau enam bulan penjara terhadap seorang wanita yang mengaku bersalah atas tuduhan sengaja menyembunyikan kelahiran janin, Januari lalu.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ling Hui Chuan terhadap tertuduh berusia 24 tahun yang didakwa mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh sengaja menyembunyikan kelahiran janin yang mati dengan menanam janin itu di kawasan semak di Taman Malihah, Padawan di sini pada 28 Januari 2026.

Fakta kes mendedahkan tertuduh pergi ke Hospital Umum Sarawak (HUS) kira-kira jam 11 pagi pada 29 Januari 2026 bagi mendapatkan rawatan selepas mengadu

sakit perut dan terdapat pendarahan di alat sulit.

Pemeriksaan awal oleh doktor di Jabatan Kecemasan mendapati bahagian alat sulit tertuduh terdapat uri seperti baru melahirkan anak, justeru tertuduh dirujuk kepada pakar obstetrik dan ginekologi (O&G).

Setelah didesak oleh doktor, tertuduh akhirnya mengaku telah melahirkan anak lelaki kira-kira jam 5 petang, 28 Januari 2026 di bilik air rumahnya dan menyatakan bahawa anak yang telah dilahirkan itu telah meninggal dunia.

Susulan kejadian itu, satu laporan polis telah dibuat bagi tujuan siasatan lanjut, manakala tertuduh dimasukkan ke wad bersalin untuk rawatan lanjut sebelum ditangkap beberapa hari kemudian.

Hasil siasatan mendapati tertuduh yang mengandungi hasil hubungan dengan teman lelakinya menyedari kandungannya pada awal tahun ini dan merancang untuk berkahwin pada Februari 2026.

Pada hari kejadian kira-



**MENGAKU BERSALAH:** Tertuduh (kanan) bersama Milton Foo ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

kira jam 5 petang, semasa tertuduh hendak mandi tiba-tiba dia terbersin sebanyak beberapa kali dan pada masa sama, anak yang dikandungnya telah terkeluar dari alat sulitnya.

Dalam keadaan panik, tertuduh keluar dari bilik mandi dan meletakkan janin itu dalam bekas makanan sebelum menanamnya di kawasan semak berhampiran

rumahnya dan membuang bekas berkenaan.

Tertuduh turut merahsiakan kejadian tersebut daripada semua orang termasuk abang-abang dan teman lelakinya.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Fauzulutfi Suriani, sementara tertuduh diwakili peguam Milton Foo dan Joanne Loy.